

Potensi besar jagung bijirin

um

27/10/16

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Projek perintis penanaman jagung bijirin buat pertama kalinya mendapat peruntukan khas di dalam Bajet 2017 melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Peruntukan itu bagi menambah nilai dan meluaskan lagi pembangunan projek perintis tersebut dalam usaha mengurangkan kebergantungan import makanan ternakan.

Projek perintis yang dibangunkan di Kampung Dadong, Kemaman, Terengganu dan Kedah itu melibatkan kerjasama Jabatan Pertanian dengan syarikat Green World Genetics Sdn. Bhd. (GWG) yang berperanan membimbing petani dan menawarkan jaminan pembelian hasil.

GWG adalah sebuah syarikat peneraju dalam program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pertanian di bawah Projek Permulaan (EPP) 14, iaitu Pembangunan Industri Benih dan salah satu penyelidikan yang dijalankan ialah penghasilan benih *variety* jagung bijirin yang sesuai dengan tanah dan iklim di negara ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif GWG, Dr. Chua Kim Aik, beliau gembira kerana kerajaan akhirnya mengambil satu langkah ke hadapan bagi memajukan penanaman jagung bijirin untuk ternakan bagi memastikan negara dapat mengurangkan kebergan-

tungan sumber import. Malaysia kini mengimport 100 peratus makanan ternakan.

"Projek ini cukup bagus untuk dibangunkan dan sememangnya perlu diberi perhatian serius kerana jagung tidak memerlukan kawasan yang luas untuk mendapatkan pulangan menguntungkan.

"Jagung hanya memerlukan 450,000 hektar untuk mencapai hasil pengeluaran sebanyak 3 juta tan dan Malaysia mempunyai banyak tanah terbiar yang boleh digunakan untuk penanaman jagung," katanya.

Kim Aik berkata, untuk tujuan tersebut, pihaknya turut menghasilkan lapan *variety* jagung bijirin antaranya GWG 111 dan GWG 888.

Menurut beliau, *variety* tersebut adalah sesuai untuk iklim tropika. Oleh itu sejauh mana ia akan berjaya bergantung kepada cuaca, selain keadaan tanah dan juga cara pengurusan ladang.

"Untuk menentukan keselamatan makanan, Malaysia perlu membangunkan benih sendiri. Sebab itu, GWG memainkan peranan menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan benih bersesuaian.

"Setakat ini, GWG telah menghasilkan benih untuk jagung bijirin, tembikai, jagung manis, sawi, tomato dan banyak lagi," ujarnya.

Beliau berkata, projek penanaman jagung bijirin juga adalah satu peluang besar kepada golongan muda yang ingin menjadi usahawan tani.

Malah, pertanian kini merupakan satu cabang perniagaan yang berpotensi besar untuk dimajukan dan dijadikan kerjaya, katanya.



Projek ini cukup bagus untuk dibangunkan dan sememangnya perlu diberi perhatian serius kerana jagung tidak memerlukan kawasan yang luas untuk mendapatkan pulangan menguntungkan.

DR. CHUA KIM AIK
Ketua Pegawai Eksekutif GWG



CHUA KIM AIK



PROJEK perintis jagung bijirin akan diperluaskan sehingga ke Sabah dan Sarawak.